

PANDUAN MENGGUNAKAN BORANG KELULUSAN PERGERAKAN BARANGAN SECARA PENTADBIRAN BAGI PROSEDUR KAWALAN KASTAM DI ZON BEBAS

1 PENDAHULUAN

- 1.1 Zon bebas adalah disifatkan sebagai suatu tempat di luar Kawasan Utama Kastam (KUK) di bawah Seksyen 2(1A) Akta Kastam (Pindaan) 2019.
- 1.2 Selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 7 Akta Zon Bebas (Pindaan) 2019, barang yang dibawa keluar dari KUK dan dibawa ke dalam zon bebas disifatkan sebagai dieksport dari Malaysia manakala barang yang dibawa keluar dari zon bebas ke KUK disifatkan sebagai diimport ke dalam Malaysia. Duti / cukai terlibat hendaklah dibayar semasa pengeksportan atau pengimportan.
- 1.3 Berdasarkan peruntukan di atas, Peraturan 24 Peraturan-Peraturan Zon Bebas (Pindaan) 2019 menyatakan barang yang dibawa masuk dari KUK ke dalam zon bebas hendaklah diikrar menggunakan Borang Kastam No. 2. Manakala Peraturan 24A Peraturan-Peraturan Zon Bebas (Pindaan) 2019 menyatakan barang yang dibawa keluar dari zon bebas ke dalam KUK hendaklah diikrar menggunakan Borang Kastam No. 1.
- 1.4 Penggunaan borang kelulusan pergerakan barangan secara pentadbiran bagi barang keluar / masuk dari / ke zon bebas adalah satu kemudahan yang diberikan oleh Jabatan untuk melancarkan proses pergerakan barang antara KUK dan zon bebas.
- 1.5 Ini selaras dengan kuasa yang diperuntukkan kepada Ketua Pengarah Kastam di bawah Peraturan 32 Peraturan-Peraturan Zon Bebas 1991 yang menyatakan bahawa Ketua Pengarah Kastam boleh memberi pengecualian mana-mana orang daripada mana-mana peruntukan Bahagian III - Pengendalian Barang-Barang, Peraturan-Peraturan Zon Bebas 1991.

2 TUJUAN

Panduan ini dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada pihak industri berhubung tatacara permohonan kelulusan pergerakan barangan secara pentadbiran bagi prosedur kawalan kastam di zon bebas di samping menyeragamkan pelaksanaannya di peringkat zon dan negeri-negeri.

3 SKOP

- 3.1 Penggunaan borang kelulusan pergerakan barangan secara pentadbiran bagi prosedur kawalan kastam di zon bebas ini adalah merangkumi pergerakan barangan antara zon bebas dan KUK bagi tujuan seperti berikut:
 - 3.1.1 Barangan tersenarai di bawah Perintah Zon Bebas (Pengecualian Barang dan Perkhidmatan) 1998 yang dibawa masuk ke zon bebas dan telah dibayar duti / cukai untuk dibawa keluar ke KUK

- 3.1.2 Baikpulih / penyelenggaraan barang di zon bebas di KUK
 - 3.1.3 Penggunaan sementara peralatan dari KUK ke zon bebas
 - 3.1.4 Barang dari KUK bagi tujuan guna habis di dalam zon bebas
 - 3.1.5 Bahan buangan pembungkusan / sampah dari zon bebas ke KUK
 - 3.1.6 Ujian kalibrasi (*calibration*) di zon bebas / KUK
 - 3.1.7 Pergerakan barang ke dalam kawasan-kawasan yang tidak diwartakan sebagai zon bebas tetapi berada dalam kawasan zon bebas
- 3.2 Permohonan pergerakan barang bagi tujuan **selain di para 3.1** memerlukan kelulusan Bahagian Perkastaman, Ibu Pejabat.

4 PENGECUALIAN

- 4.1 Kelulusan pergerakan barang secara pentadbiran berkaitan para 3.1 **tidak terpakai** bagi perkara berikut:
 - 4.1.1 Barang yang tertakluk kepada keperluan permit / lesen import / lesen eksport di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017 dan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 2017.
 - 4.1.2 Barang yang dipindahkan dari Gudang Pengilangan Berlesen, Gudang Berlesen, Gudang Eksais dan Kedai Bebas Cukai.

5 TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN PERGERAKAN

- 5.1 **Borang Kelulusan Pergerakan Barang Secara Pentadbiran** (seperti yang dilampirkan) hendaklah dikemukakan oleh pemunya barang / ejen kastam / wakil syarikat kepada pegawai kastam yang hak di Stesen Kastam yang mengawal bagi tujuan kelulusan.
- 5.2 Borang Kelulusan Pergerakan Barang Secara Pentadbiran tersebut perlulah disertakan dengan dokumen sokongan seperti berikut:
 - 5.2.1 Invois;
 - 5.2.2 Pesanan belian; atau
 - 5.2.3 Dokumen-dokumen lain yang diperlukan
- 5.3 Permohonan hendaklah dikemukakan sebelum atau semasa pergerakan barang dilakukan dalam dua (2) salinan. Salinan pertama disimpan oleh Stesen Kastam yang mengawal dan salinan kedua disimpan oleh pemohon.

6 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN KELULUSAN PERGERAKAN

- 6.1 Syarat-syarat yang perlu dipatuhi berdasarkan kepada tujuan pergerakan barang yang terlibat adalah seperti berikut:

- 6.1.1 Barang terkenal di bawah Perintah Zon Bebas (Pengecualian Barang dan Perkhidmatan) 1998 yang dibawa masuk ke zon bebas dan telah dibayar duti / cukai untuk dibawa keluar ke KUK:
- i. Hanya senarai barang dan kuantiti yang diluluskan oleh Stesen Kastam yang mengawal sahaja dibenarkan.
 - ii. Pemohon hendaklah membuktikan bahawa barang telah dibayar duti / cukai dengan mengemukakan Borang Kastam No. 1 / Resit Rasmi Kastam (*Customs Official Receipt – COR*).
- 6.1.2 Baikpulih / penyelenggaraan barang zon bebas di KUK:
- i. Barang yang telah berbayar duti / cukai:
 - a. Hanya senarai barang dan kuantiti yang diluluskan oleh Stesen Kastam yang mengawal sahaja dibenarkan.
 - ii. Barang yang belum berbayar duti / cukai:
 - a. Hanya senarai barang dan kuantiti yang diluluskan oleh Stesen Kastam yang mengawal sahaja dibenarkan.
 - b. Barang dibenarkan untuk dibaikpulih dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kelulusan diberikan.
 - c. Stesen Kastam yang mengawal boleh mempertimbangkan pelanjutan tempoh maksimum enam (6) bulan lagi sekiranya perlu.
 - d. Kelulusan asal hendaklah disertakan bersama-sama dengan permohonan baharu apabila barang dibawa masuk semula ke dalam zon bebas.
- 6.1.3 Penggunaan sementara peralatan (seperti mesin, mesin fotostat, komputer dan lain-lain) dari KUK ke zon bebas:
- i. Hanya senarai peralatan dan kuantiti yang diluluskan oleh Stesen Kastam yang mengawal sahaja dibenarkan.
 - ii. Tidak terpakai bagi pergerakan untuk peralatan dari zon bebas ke KUK.
 - iii. Peralatan boleh berada di dalam zon bebas dalam tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh kelulusan diberikan atau tempoh yang dinyatakan dalam kontrak.
 - iv. Stesen Kastam yang mengawal boleh mempertimbangkan pelanjutan tempoh maksimum enam (6) bulan lagi sekiranya perlu.

v. Kelulusan asal hendaklah disertakan bersama-sama dengan permohonan baharu apabila peralatan dibawa keluar ke KUK.

6.1.4 Barang dari KUK bagi tujuan guna habis (bukan digunakan untuk aktiviti perdagangan / pengilangan seperti alat tulis, kertas dan lain-lain) di dalam zon bebas:

i. Hanya senarai barang dan kuantiti yang diluluskan oleh Stesen Kastam yang mengawal sahaja dibenarkan.

ii. Pergerakan barang yang terlibat adalah dari KUK ke zon bebas.

6.1.5 Bahan buangan pembungkusan / sampah dari zon bebas ke KUK:

i. Hanya senarai barang dan kuantiti yang diluluskan oleh Stesen Kastam yang mengawal sahaja dibenarkan.

6.1.6 Ujian kalibrasi (*calibration*) di zon bebas / KUK:

i. Hanya senarai barang dan kuantiti yang diluluskan oleh Stesen Kastam yang mengawal sahaja dibenarkan.

ii. Barang dibenarkan untuk kalibrasi dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh kelulusan diberikan.

iii. Stesen Kastam yang mengawal boleh mempertimbangkan pelanjutan tempoh maksimum enam (6) bulan lagi sekiranya perlu.

iv. Kelulusan asal hendaklah disertakan bersama-sama dengan permohonan baharu apabila barang dibawa masuk semula ke dalam zon bebas / KUK.

6.1.7 Pergerakan barang ke dalam kawasan-kawasan yang tidak diwartakan sebagai zon bebas tetapi berada dalam kawasan zon bebas (rujuk Lampiran A) seperti berikut:

a. Pergerakan barang dari KUK ke kawasan-kawasan yang tidak diwartakan sebagai zon bebas yang berada dalam kawasan zon bebas atau sebaliknya (rujuk Rajah 1).

i. Hanya senarai barang dan kuantiti yang diluluskan oleh Stesen Kastam yang mengawal sahaja dibenarkan.

ii. Hanya melibatkan barang syarikat / kilang yang beroperasi di kawasan-kawasan yang tidak diwartakan sebagai zon bebas.

b. Pergerakan antara kawasan-kawasan yang tidak diwartakan sebagai zon bebas yang berada dalam zon bebas yang sama (rujuk Rajah 2).

- i. Hanya senarai barang dan kuantiti yang diluluskan oleh Stesen Kastam yang mengawal sahaja dibenarkan.
 - ii. Hanya melibatkan barang syarikat / kilang yang beroperasi di kawasan-kawasan yang tidak diwartakan sebagai zon bebas.
- 6.1.8 Pergerakan-pergerakan selain di para 3.1 permohonan perlu dimajukan kepada Stesen Kastam yang mengawal. Pihak kastam negeri hendaklah mengemukakan permohonan beserta ulasan dan syor ke Bahagian Perkastaman, Ibu Pejabat untuk kelulusan.

7 PELAKSANAAN

- 7.1 Borang Kelulusan Pergerakan Barang Secara Pentadbiran yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Stesen Kastam yang mengawal secara *hard copy* bagi tujuan kelulusan.
- 7.2 Permohonan hendaklah diproses secara *case by case basis*.
- 7.3 Pemohon dikehendaki menyimpan rekod borang, dokumen sokongan berkaitan dan kelulusan untuk tempoh tujuh (7) tahun.
- 7.4 Pemohon hendaklah mematuhi syarat / peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Kastam dan undang-undang serta peraturan lain yang berkuat kuasa di Malaysia.
- 7.5 Kelulusan yang diberikan boleh ditarik balik pada bila-bila masa tertakluk kepada dasar dan perundangan semasa.
- 7.6 Syarat-syarat di atas boleh dipinda, ditambah dan diubahsuai dari semasa ke semasa jika didapati perlu.

8 TARIKH KUATKUASA


- 8.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 15 Mac 2021. Semua Borang Kelulusan Pergerakan Barang Secara Pentadbiran akan dilaksanakan di peringkat zon / negeri.

9 PENUTUP


- 9.1 Panduan ini adalah sebagai rujukan kepada pihak industri berhubung penggunaan borang kelulusan pergerakan barang secara pentadbiran ke atas barang keluar / masuk dari / ke zon bebas. Sebarang kelulusan adalah tertakluk kepada pertimbangan pegawai kastam yang hak di Stesen Kastam yang mengawal.
- 9.2 Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau keraguan pihak tuan / puan boleh merujuk kepada Stesen Kastam yang mengawal.

LAMPIRAN A (Para 6.1.7)

**PERGERAKAN BARANGAN KE DALAM KAWASAN-KAWASAN YANG TIDAK
DIWARTAKAN SEBAGAI ZON BEBAS TETAPI BERADA DALAM KAWASAN ZON BEBAS**



Rajah 1 : Pergerakan barang dari KUK ke kawasan-kawasan yang tidak diwartakan sebagai zon bebas yang berada dalam kawasan zon bebas atau sebaliknya



Rajah 2 : Pergerakan antara kawasan-kawasan yang tidak diwartakan sebagai zon bebas yang berada dalam zon bebas yang sama

BORANG KELULUSAN PERGERAKAN BARANGAN SECARA
PENTADBIRAN



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

KELULUSAN PERGERAKAN BARANGAN SECARA PENTADBIRAN BAGI PROSEDUR KAWALAN KASTAM DI ZON BEBAS

| | | | |
|--|---------------------|---|-------------|
| 1. NOMBOR RUJUKAN KELULUSAN TERDAHULU (Jika berkaitan) | | UNTUK KEGUNAAN RASMI | |
| 2. NAMA PEMOHON DAN ALAMAT | | NOMBOR RUJUKAN COP JABATAN | |
| 3. NAMA PENERIMA DAN ALAMAT | | | |
| 4. WAKIL / EJEN YANG DIBERI KUASA (jika berkaitan) | | 5. JENIS PERGERAKAN <input type="checkbox"/> Dan Kawasan Utama Kastam (KUK) ke zon bebas <input type="checkbox"/> Dari zon bebas ke Kawasan Utama Kastam (KUK) <input type="checkbox"/> Dari KUK ke kawasan yang tidak diwartakan sebagai zon bebas <input type="checkbox"/> Dari kawasan yang tidak diwartakan sebagai zon bebas ke KUK <input type="checkbox"/> Antara kawasan yang tidak diwartakan sebagai zon bebas | |
| 6. TUJUAN PERGERAKAN (sila tanda ✓) <input type="checkbox"/> Barangan tersenarai di bawah Perintah Zon Bebas (Pengecualian Barang dan Perkhidmatan) 1998 yang dibawa masuk ke zon bebas dan telah dibayar duti / cukai untuk dibawa keluar ke KUK <input checked="" type="checkbox"/> Baikpulih / penyelenggaraan barangan zon bebas di KUK <input type="checkbox"/> Penggunaan sementara peralatan dan KUK ke zon bebas <input type="checkbox"/> Barangan dari KUK bagi tujuan guna habis di dalam zon bebas <input type="checkbox"/> Bahan buangan pembungkusan / sampah dari zon bebas ke KUK <input type="checkbox"/> Ujian kalibrasi (calibration) di zon bebas / KUK <input type="checkbox"/> Pergerakan barangan ke dalam kawasan-kawasan yang tidak diwartakan sebagai zon bebas tetapi berada dalam kawasan zon bebas <input type="checkbox"/> Tujuan-tujuan lain, nyatakan: (Nombor rujukan surat kelulusan ibu Pejabat :) | | | |
| 7. BIL. | 8. DESKRIPSI BARANG | | 9. KUANTITI |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| 10. PERAKUAN PEMOHON | | UNTUK KEGUNAAN RASMI | |
| DENGAN INI SAYA MENGAKU BAHWA BUTIR-BUTIR YANG DINYATAKAN DALAM PERMOHONAN NI ADALAH BENAR DAN AKAN MEMATUHI SEGALA PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN-PERATURAN YANG BERKENAN SERTA SYARAT-SYARAT YANG DITETAPKAN. | | <input type="checkbox"/> LULUS <input type="checkbox"/> TIDAK LULUS TEMPOH KELULUSAN: HINGGA CATATAN TANDATANGAN NAMA JAWATAN TARikh | |
| TANDATANGAN NAMA : JAWATAN : NO K/P : TARIKH : | COP SYARIKAT | PENGESAHAN KELUAR / MASUK BARANGAN TANDATANGAN NAMA JAWATAN TARikh COP RASMI | |
| *BORANG INI HENDAKLAH DITANDATANGANI OLEH PEGAWAI SYARIKAT YANG TELAH DIBERI KUASA OLEH | | | |